

08 AUG 2002

PETRONAS-MoU/I

PETRONAS TANDATANGANI MoU DENGAN PERTAMINA BAGI BEKALAN BARU GAS

DENPASAR (BALI), 8 Ogos (Bernama) -- Syarikat minyak nasional, Petroliam Nasional Berhad (Petronas), hari ini menandatangani memorandum persefahaman bagi mempermudah pemeteraian Perjanjian Jualan Gas oleh Sumatera kepada Malaysia.

MoU itu melibatkan kontraktor perkongsian pengeluaran Pertamina, Gulf Resources, YPF dan Santos, yang mengendalikan medan-medan gas darat di Sumatera Selatan yang dikenal pasti akan membekalkan gas kepada Malaysia.

Di bawah MoU tersebut, Petronas akan diberikan peluang menyertai kontrak perkongsian pengeluaran bagi medan-medan yang dikenal pasti itu.

Perjanjian Jualan Gas yang dijangka ditandatangani menjelang akhir tahun ini, akan memastikan bekalan 300 juta kaki isipadu standard gas sehari kepada Malaysia selama 20 tahun. Penghantaran gas ini dijadualkan bermula pada awal tahun 2005.

MoU yang dimeterai di Bali itu ditandatangani oleh presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan presiden pengarah Pertamina, Baihaki Hakim.

Upacara menandatangani MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri. Terdahulu, Perdana Menteri dan Presiden Megawati telah mengadakan rundingan dua hala. -- BERNAMA

MKO MAD SHY KY AA